



Headline: Siapa yang jadi sasaran scammer?
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 13 March 2021

Language: Bahasa Malaysia
Section: Rencana
Page: 22

JUWARIAH, 60, terduduk apabila wangnya RM50,000 lenyap sekelip mata di tipu kenalan di media sosial. Kenalan yang disangka sepupunya sendiri, rupanya palsu. Penipu rupanya membuat penyamaran, menggunakan profil sepupu, yang sudah lama tidak dihubungi itu.

Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah & Jaringan Industri & Masyarakat), Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Mohamad Fazli Sabri menjawab perangkap jenayah yang belum menunjukkan tanda surut ini.

SERI: Penipuan dalam talian itu apa maksudnya dan ada berapa kategori?

PROF. DR. MOHAMAD FAZLI: Kita seringkali didedahkan dengan istilah *scam*, hakikatnya ramai yang tidak mengetahui takrifan *scam*. Ia merujuk kepada penipuan atas talian atau penipuan di internet.

Menurut Bank Negara Malaysia (BNM), ada enam bentuk penipuan kewangan di pasaran iaitu skim pelaburan atau skim cepat kaya, pelaburan internet palsu dan lain-lain jenis penipuan, penyalahgunaan nama BNM, keldai akaun, urus niaga mata wang asing haram dan *Macau scam*.

Laporan Polis Di Raja Malaysia (PDRM) menunjukkan terdapat 5,218 kes *Macau scam* dilaporkan bagi dari Januari hingga Oktober 2020 dengan membabitkan anggaran kerugian sebanyak RM256 juta.


Apakah modus operandi (MO) penipuan dilakukan?

Salah satu daya penarik ialah ia menjanjikan keuntungan banyak dalam masa singkat. Ada lima kumpulan pengguna sering menjadi mangsa penipuan kewangan iaitu pesara, penjawat awam, pelajar, wanita dan orang kampung.

Bagi mengelak dari di kesan, mereka menggunakan pelbagai MO yang semakin kreatif dan inovatif. Antaranya dengan memberitahu anda memenangi cabutan hadiah bertuah di mana anda perlu membiayai kos penghantaran dengan memindahkan wang ke akaun mereka.

Selain itu, terdapat juga kes di mana mereka menyamar sebagai peguam, pegawai kastam, pegawai bank, pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan pegawai polis yang mendakwa anda terlibat dalam aktiviti kurang sihat.

Terdapat juga sindiket menggunakan ugutan menamakan individu ahli keluarga sedang berhadapan dengan risiko bahaya, memperdayakan mangsa dengan



SCAM, merujuk kepada penipuan termasuk dalam talian atau penipuan di internet yang menggunakan pelbagai kaedah untuk menipu pengguna.

Siapa yang jadi sasaran scammer?

“Jangan sesekali mendedahkan maklumat seperti nombor MyKad, kad debit dan kad kredit terutamanya nombor di belakang kad (CVV) serta nombor pengesahan transaksi (TAC).”

Kalau rasa sudah menjadi mangsa, apa tindakan perlu dilakukan?

Sekiranya telah menjadi mangsa, pastikan anda membuat laporan di agensi kerajaan seperti PDRM dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multi Media.

Pihak kerajaan perlu terus giat melakukan pemantauan secara berkala ke atas individu atau syarikat yang menawarkan perkhidmatan berbentuk pinjaman kewangan, simpanan, pelaburan dan sebagainya. Hukuman dan tindakan tegas perlu dikenakan ke atas individu atau syarikat yang terlibat dengan jenayah atas talian.

Selain itu, program kesedaran perlu disebarluaskan kepada semua kelompok pengguna tanpa mengira jantina, umur, etnik, kumpulan pendapatan dan lokasi.

menyuruh mereka memuat turun aplikasi telefon.

Pengguna memang mudah kena tipu?

Terdapat beberapa faktor menyumbang kepada pengguna menjadi mangsa. Antaranya kurang pengetahuan berkaitan aspek simpanan dan pelaburan.

Mereka juga kurang pengetahuan mengenai digital, kurang mahir berkaitan dengan teknologi kewangan (*fintech*).

Pada masa sama keinginan memperolehi kekayaan dan keuntungan dalam masa singkat, atau berhadapan dengan masalah kewangan (beban hutang tinggi) mendorong mereka terpedaya. Kurangnya pengetahuan berkaitan aspek perundangan turut menyebabkan mangsa mudah ditipu.

Bagaimana menangani diri daripada menjadi mangsa?

Bagi mengekang jenayah ini daripada terus berleluasa, pengguna perlu mempersiapkan diri mereka dengan pengetahuan dan kemahiran dari segi aspek



PROF. DR. MOHAMAD FAZLI SABRI

pengurusan kewangan, literasi digital dan undang-undang.

Jangan sesekali mendedahkan maklumat seperti nombor MyKad, kad debit dan kad kredit terutamanya nombor di belakang kad (CVV) serta nombor pengesahan transaksi (TAC).

Jangan benarkan akaun bank anda digunakan oleh pihak ketiga atau penjenayah kewangan dan jangan mudah percaya dengan tawaran upah bagi penggunaan akaun anda.

Pengguna juga boleh memuat turun aplikasi *scam filter* di telefon mereka dan aplikasi semakan kes penipuan.

Pengguna turut disarankan untuk mendapatkan nasihat dan rujukan daripada individu atau agensi berautoriti, bertauliah serta berdaftar.

Sekiranya anda curiga, sila lakukan semakan dengan agensi seperti BNM, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan PDRM.